

18/04/2003

BN perlu dampingi sejuta pengundi baru: Muhyiddin

Daud Awang; Wan Hazmir Bakar

ALOR GAJAH: Semua parti komponen Barisan Nasional (BN) perlu mencari jalan mendampingi kira-kira sejuta pengundi baru yang bakal mengundi pada pilihan raya umum akan datang.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata oleh kerana itu adalah pengalaman pertama mereka, pengundi berkenaan perlu diberi pendedahan supaya menyokong kerajaan.

"Setiap parti komponen seperti Umno, MCA dan MIC serta komponen lain perlu mencari pendekatan bagaimana mendekati pengundi baru agar kita tahu cita rasa dan kehendak mereka.

"Ini kerana kebanyakan mereka adalah bekas pelajar institusi pengajian tinggi dan golongan profesional yang perlu didampingi secara diplomasi dan berhemah.

"Oleh kerana pertama kali mereka keluar sebagai pengundi, kita perlu mendekati dan memahami kehendak mereka supaya tidak tersalah anggap terhadap kerajaan dan menjadi sasaran pembangkang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Selandar di A'Famosa Resort, di sini petang semalam.

Mengenai Umno, Muhyiddin berkata, setakat ini semua gerak kerja pilihan raya siap diatur tetapi perlu diperkemaskan terutama memastikan ahli Umno mendaftar sebagai pengundi selain mengenal pasti senarai ahli Umno pada setiap peti undi.

"Kita tidak tahu bila pilihan raya akan diadakan tetapi kita perlu bersiap sedia mulai sekarang. Tumpuan kita adalah kepada generasi muda yang bakal mengundi buat kali pertama," katanya.

Sementara itu pada sidang akhbarinya selepas merasmikan Seminar Pemikiran Dr Mahathir anjuran Puteri Umno Bahagian Batu, di Petaling Jaya, Muhyiddin mengingatkan ahli Umno agar tidak bersikap ambil mudah dengan mengandaikan bahawa pengundi, khususnya orang Melayu, akan terus dan bersedia memberi sokongan kepada parti pada pilihan raya akan datang walaupun kerajaan berjaya mengatasi pelbagai masalah politik dan ekonomi yang dihadapi negara.

Beliau berkata, sikap sedemikian tidak akan membantu Umno mendapatkan gambaran sebenar senario semasa serta pemikiran pengundi.

"Kita perlu ingatkan ahli dan pemimpin Umno bahawa orang berubah dan mentaliti mereka juga berubah dengan perubahan senario semasa. Justeru, anda tidak boleh mengandaikan bahawa mereka akan sentiasa ke pangkuan anda.

"Jika andaikan semua perkara adalah baik, itu adalah apa yang anda fikirkan dan anda mungkin salah," katanya.

Beliau berkata, pengundi pada masa ini, khususnya golongan muda adalah lebih terpelajar dan bermaklumat.

Muhyiddin berkata, golongan muda adalah segmen pengundi yang penting dan perlu diberi lebih perhatian memandangkan merekalah yang akan mencorakkan masa depan negara.